




**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**  
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

# **REJIM KELONGGARAN**


**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**



## Tentang Aktiviti Kartel

Mengenalpasti dan membanteras aktiviti kartel merupakan matlamat utama badan penguatkuasa persaingan di seluruh dunia kerana aktiviti-aktiviti kartel mendatangkan kesan yang buruk kepada pengguna. Perkongsian idea dari badan-badan penguatkuasa persaingan seluruh dunia, Suruhanjaya telah meletakkan kegiatan “Menjejak dan Membanteras Kartel” sebagai perkara utama Suruhanjaya. Aktiviti kartel adalah dilarang dibawah Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (“Akta 712”).





## **Apakah itu kartel dan bagaimanakah ianya boleh menjejaskan pengguna?**


Kartel berlaku bila dua atau lebih pihak beroperasi secara mendatar memasuki suatu perjanjian yang bertujuan untuk menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan di dalam mana-mana pasaran bagi barangan atau perkhidmatan yang bertentangan dengan Seksyen 4(2) Akta 712.

Contoh-contoh kegiatan kartel adalah penetapan harga, tipuan bida dan pembahagian pasaran serta membatasi atau mengawal akses kepada pasaran. Kegiatan-kegiatan bersifat anti-persaingan ini akan menghadkan pilihan pengguna dari memperolehi harga yang kompetitif serta barangan atau perkhidmatan yang berkualiti.

## **Bagaimanakah regim kelonggaran digunapakai?**


Rejim Kelonggaran yang termaktub dibawah Seksyen 41 hanya boleh digunapakai oleh perusahaan yang mengakui penglibatan dalam perjanjian mendatar seperti yang digariskan dibawah Seksyen 4(2) Akta 712.

Seksyen 41 mewajibkan pemohon untuk bukan sahaja mengakui kesalahannya, tetapi juga mesti memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Suruhanjaya. Setelah kedua-dua syarat ini dipenuhi dan Suruhanjaya berpuas hati, perusahaan tersebut boleh diberikan sehingga 100 peratus pengurangan penalti kewangan. Lazimnya perusahaan pertama yang memohon akan diberikan pengurangan denda yang paling maksimum.



## Apakah proses-proses yang diperlukan untuk berjaya dalam membuat permohonan kelonggaran?

- 1** Lengkapkan borang permohonan dan hantar kepada Suruhanjaya bersama dengan pengakuan yang dikehendaki berserta dokumen sokongan yang relevan. Pemohon akan diberikan “Penanda”.
- 2** Selepas itu, permohonan akan dinilai dan setelah Suruhanjaya berpuas hati, pemohon perlu menandatangani syarat-syarat perjanjian kelonggaran.
- 3** Setelah perjanjian ditandatangani, pihak Suruhanjaya akan menjalankan penyiasatan terhadap aktiviti kartel tersebut bagi mendapatkan bukti penglibatan ahli-ahli kartel yang lain. Bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat untuk mendapatkan kelonggaran, pemohon disarankan untuk memberi kerjasama sepenuhnya sepanjang tempoh siasatan dijalankan.
- 4** Setelah siasatan selesai dan kewujudan kartel dikenalpasti, Suruhanjaya akan mengeluarkan suatu keputusan terhadap ahli-ahli kartel termasuklah pemohon kelonggaran. Walau




## **Adakah kerahsiaan identiti diberikan kepada pemohon?**

**Ya.** Identiti pemohon akan dirahsiakan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 21 Akta 712. Pada masa yang sama, pemohon tidak boleh mendedahkan kepada sesiapa mengenai permohonan kelonggaran yang telah dibuat.

## **Apakah manfaat memperoleh keutamaan (“Penanda”)?**

Pemohon kelonggaran boleh meminta “Penanda” bagi mengekalkan keutamaannya sementara permohonan sedang diproses. Pada dasarnya penanda akan mencatatkan keutamaan, tarikh, masa dan perkara dimana perusahaan tersebut bercadang untuk menghantar permohonan bagi kelonggaran dan menetapkan tarikh bila perusahaan itu harus melengkapkan permohonannya.

Suatu penanda itu sah selama 30 hari daripada tarikh diberikan. Jika penerima penanda gagal melengkapkan permohonannya dalam tempoh yang ditetapkan, perusahaan tersebut akan hilang kedudukan keutamaannya. Ia boleh meminta penanda baru jika perusahaan tersebut ingin membuat permohonan kelonggaran. Semua pemohon kelonggaran seterusnya akan menerima penanda atas permintaan. Lanjutan masa bergantung kepada alasan yang munasabah dan bergantung kepada budi bicara Suruhanjaya.



## **Apakah yang tidak dilindungi di bawah kebenaran kelonggaran?**


Mana-mana kelonggaran yang dibenarkan di bawah Seksyen 41 di dalam Akta tidak akan melindungi pemohon yang berjaya daripada dikenakan tindakan undang-undang, contohnya: prosiding sivil di bawah Seksyen 64 yang difailkan oleh seseorang yang telah mengalami kerugian atau kerosakan secara terus disebabkan oleh suatu pelanggaran.

## **Dalam keadaan apakah yang akan menyebabkan permohonan kelonggaran dibatalkan?**

Suruhanjaya boleh membatalkan sesuatu kebenaran kelonggaran bersyarat sekiranya Suruhanjaya mendapati bahawa pihak pemohon telah gagal untuk memenuhi mana-mana syarat seperti memberi maklumat yang palsu atau mengelirukan kepada Suruhanjaya.

## **Apakah yang diperlukan untuk membuat permohonan kelonggaran?**

Pemohon kelonggaran perlu memberikan maklumat serta menawarkan kerjasama dalam bentuk apa sekalipun, terhadap suatu tuduhan pelanggaran di bawah Akta 712. Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan di dalam versi PDF yang boleh didapati di laman sesawang Suruhanjaya ([www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)) > Perkhidmatan Dalam Talian > Lain-lain Perkhidmatan > Memohon untuk Kelonggaran) dan hantar menerusi emel kepada [lu@mycc.gov.my](mailto:lu@mycc.gov.my)



## Bagaimana untuk menghubungi Suruhanjaya?

Pemohon boleh meminta untuk bercakap dengan Pegawai Rejim Kelonggaran yang dilantik oleh Suruhanjaya dengan menghubungi talian 03-2273 2277 semasa waktu pejabat (8:30 pagi hingga 5:30 petang, Isnin hingga Jumaat).

Pemohon rejim kelonggaran disarankan untuk berhubung dengan Suruhanjaya secepat mungkin. Permohonan boleh dihantar kepada Suruhanjaya melalui cara- cara berikut:

### ● Emel

Hantarkan Borang Permohonan Rejim Kelonggaran yang lengkap kepada **lu@mycc.gov.my**

### ● Pos

Borang Permohonan Rejim Kelonggaran yang lengkap boleh juga dihantar melalui pos kepada:

Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)  
Aras 15, Menara SSM@Sentral,  
No.7 Jalan Stesen Sentral 5,  
Kuala Lumpur Sentral,  
50623 Kuala Lumpur.

### ● Hadir secara peribadi

Pemohon boleh hadir secara peribadi ke pejabat Suruhanjaya untuk melengkapkan dan menghantar Borang Permohonan Rejim Kelonggaran.



Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Level 15, Menara SSM@Sentral,  
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623, Kuala Lumpur.



+ 603 2273 2277  
+ 603 2272 1692



[enquiries@mycc.gov.my](mailto:enquiries@mycc.gov.my)



[www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)



@themyc

